

# Rock Alauddin berunsur ketuhanan

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK  
kampus@utusan.com.my

**M**ENGEMBARA melihat keindahan alam ciptaan tuhan memberi ketenangan dan inspirasi kepada jiwa anak muda yang dikenali sebagai Alak atau nama sebenarnya Alauddin Yahaya, 25.



Keindahan tidak ternilai itu mampu membuatkan hati yang resah gelisah bertukar menjadi tenang dan mendamaikan apabila diluahkan melalui iringan muzik.

Alauddin merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Quran dan Sunnah dengan kepujian dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Di USIM, Alauddin merupakan Ketua Kumpulan band akustik yang dikenali sebagai The Bachelor yang ahli kumpulannya terdiri daripada Hairil Hazlan Hamizin (cak lempong), Syukri Sahari (flute), Syamil Masnan dan Hilmi (perkusi), Lokman dan SyahirAzfar (bass) serta Hanif Ansori (deram).

Kumpulan ini pernah mengharumkan nama USIM dengan mendapat anugerah Johan Band Akustik Festival Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia 2010 dengan membawa lagu Kias Fansuri dan Takana Jo Kampung.

Selain itu, Alauddin banyak menyertai program yang dikendalikan oleh Unit Kebudayaan USIM antaranya membuat persembahan band akustik di USIM, serta majlis Santapan Diraja USIM.

Mendengar namanya sahaja, ramai akan terbayang dalam fikiran Alauddin bersama gitarnya. Ini kerana Alauddin cukup dikenali sebagai pemain gitar USIM.

Alunan melodi yang dimainkannya mengasyikkan dan memukau orang ramai. Di mana-mana persembahan USIM pasti Alauddin akan turut serta bersama dengan kumpulan band akustiknya.

Walaupun mengambil pengajian Ijazah Sarjana Muda Quran dan Sunnah, ia tidak menghalang Alauddin daripada meminati lagu-lagu rock berunsurkan ketuhanan.

Bagi anak muda ini lagu-lagu rock yang berunsurkan ketuhanan menjadi pilihannya kerana ia lebih dekat dengan jiwa remaja, malah dapat diterima oleh semua peringkat umur, sama ada yang muda atau tua.

Ramai yang berpendapat bahawa hanya lagu-lagu nasyid mengandungi banyak nasihat dan nilai-nilai agama yang tinggi, akan tetapi tidak semua orang sukakan lagu nasyid, hanya segelintir



**BERSAMA** tenaga pengajar kumpulan band akustik pada malam Anugerah Kecemerlangan Siswa USIM.

sahaja.

Oleh sebab itu, Alauddin merasakan tidak salah untuk meminati lagu-lagu bergenre rock atau pelbagai genre yang lain.

Apa yang penting adalah maksud atau mesej ketuhanan dan keagamaan yang cuba disampaikan melalui bait-bait lirik lagu tersebut bukan genre lagunya.

Katanya, apabila seseorang menyampaikan lagu-lagu berunsurkan ketuhanan, ini merupakan salah satu cara untuk kita berdakwah.

Berdakwah tidak semestinya hanya

boleh dibuat melalui ceramah, forum, seminar, kuliah agama dan sebagai

Jelasnya, mesej dakwah boleh disampaikan oleh semua orang, bukan semestinya oleh ustaz atau ustazah sahaja, malah melalui seni muzik kita boleh menyampaikan da'wah.

Melodi lagu yang indah dapat meminati orang ramai untuk mendengar dan menghayati bait-bait se'nata yang berunsurkan ketuhanan serta keagamaan, di samping secara tidak langsung dapat menyampaikan mesej dakwah kepada mereka.

**ALAUDDIN**  
Yahaya (kiri)  
bersama Ramli  
Sarip sebelum  
persembahan  
pada Majlis  
Penutup  
Pertandingan  
Lagu Puisi  
Institusi  
Pengajian Tinggi  
2011, di Kuala  
Lumpur,  
baru-baru ini.



## Profil

- **Nama:** ALAUDDIN YAHAYA
- **Umur:** 25 tahun
- **Tempat Lahir:** Skudai, Johor.
- **Adik-beradik:** Anak kedua daripada lima adik beradik
- **Hobi:** mengembara, membaca Al-Quran, bermain gitar
- **Bidang Pengajian:** Ijazah Sarjana Muda Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia
- **Lagu kegemaran:** *Laila Nama-Mu Teratas, Meniti Titian Usang dan Mentari Merah Diufuk Timur (Search), Engkaulah Yang Satu (Ramli Sarip), Akar Kita, Sentuhan Listrik-Mu, Kias Fansuri dan Di Balik Cermin Mimpi (M. Nasir), Aku Cinta Allah (Wali Band), Silaturrahim (BPR), Mahakarya Cinta, Bencinta dan Sampai Syurga (FaizalTahir), Relaku Pujuk, Nazraku, Kasih Latifah dan Aladdin (Spider) dan Arashi Dunia (Hafiz Hamidun feat Ali XPDC).*

Sertai kami

facebook

Helo Kampus